

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW (WANGSA MAJU) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes-kes kecurian dan pecah rumah di Wangsa Maju dan di Negara keseluruhannya pada musim perayaan ini dan apakah langkah-langkah diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mencegah isu kecurian yang cukup tinggi di musim perayaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, jumlah kes jenayah curi yang dilaporkan berlaku pada musim perayaan Tahun Baru Cina yang lepas adalah sebanyak 760 kes dan jumlah kes pecah rumah mencatatkan sebanyak 701 kes bagi tempoh 29 Januari hingga 12 Februari 2019. Manakala pada Hari Raya Aidilfitri yang lepas pula, sebanyak 683 kes jenayah curi dan 776 kes pecah rumah dilaporkan berlaku.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 kes jenayah curi dan 14 kes pecah rumah dilaporkan berlaku di daerah Wangsa Maju pada musim perayaan Tahun Baru Cina. Manakala sebanyak 3 kes jenayah curi dan 16 kes pecah rumah dilaporkan berlaku di daerah Wangsa Maju pada Hari Raya Aidilfitri yang lepas.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) telah ditubuhkan bagi memenuhi hasrat dan keperluan rakyat memikul amanah bagi menyediakan jawapan keperluan rakyat penyelesaian kepada masalah dan menangani isu-isu yang menjadi kepentingan masyarakat. Berikut merupakan Inisiatif-inisiatif PDRM dalam usaha mencegah jenayah dan memastikan keselamatan komuniti:

- a) Meningkatkan rondaan di kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah melalui rondaan oleh Unit MPV, Unit URB (Unit Rondaan Bermotosikal). Selain MPV dan URB, pemantauan oleh balai-balai Polis yang berhampiran juga turut dilakukan;
- b) Mendekatkan masyarakat dengan pihak polis melalui program seperti 1 masjid 1 polis. Unit MPV dan URB yang membuat rondaan diarahkan singgah di masjid di kawasan rondaan untuk menunaikan solat berjemaah sebagai usaha mendekatkan pasukan keselamatan dengan masyarakat. Dalam pada masa yang sama juga, Persatuan Kepolisian Komuniti ataupun ‘Community Policing’ juga turut diperkenalkan bertujuan untuk membantu penduduk sekitar dalam

menjaga keselamatan persekitaran dan seterusnya menyalurkan maklumat kepada pihak polis seperti Skim Rondaan Sukarelawan (SRS), Rukun Tetangga (KRT) dan Jawantakuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) ;

- c) Meningkatkan kesedaran melalui kerjasama dan bantuan daripada masyarakat. Mengambil contoh seperti mengadakan kempen/lawatan, ceramah dan pendidikan pencegahan jenayah yang membolehkan masyarakat menyalurkan maklumat-maklumat jenayah di sekolah-sekolah yang berhampiran. Ini kerana setiap sekolah mempunyai Pegawai perhubungan sekolah yang terdiri daripada Pegawai Polis yang dilantik (bapa angkat). Selain itu juga, Program AMANITA merupakan salah satu usaha dalam mendekati suri rumah. Dengan adanya program ini, ia memberi perhatian serius kepada golongan wanita dalam memastikan keselamatan diri terjamin sewaktu berada dimana sahaja dengan memberi penerangan dan membantu mengajar suri rumah mengetahui setiap masalah di persekitaran tempat tinggal mereka; dan
- d) Meningkatkan penggunaan teknologi dengan mencipta satu aplikasi yang baru bagi merancakkan aktiviti pencegahan jenayah melalui pendaftaran aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP). Aplikasi ini, memberi kemudahan kepada pengguna telefon pintar untuk menyalurkan maklumat atau aduan dilengkapi gambar dan video. Setiap maklumat pengguna aplikasi ini dirahsiakan bagi menjamin keselamatan pengguna. Oleh itu, Melalui aplikasi ini, semua orang boleh menyalurkan maklumat. Pada musim perayaan, aplikasi ini juga boleh digunakan bagi memaklumkan berkaitan rumah yang ditinggalkan kosong bagi memudahkan pihak PDRM memantau dan menjalankan rondaan.